

Headline	FRIM, HARIAN METRO KUKUH HUBUNGAN		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Mar 2016	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	535 cm <sup>2</sup>
Journalist	Mohamad Hussin	AdValue	RM 20,995
Frequency	Daily	PR Value	RM 62,985



Oleh Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

# FRIM, HARIAN METRO KUKUH HUBUNGAN

*Jalin kerjasama pupuk kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat*

GAMBAR ROSELA ISMAIL

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) terus menjalin hubungan dengan Harian Metro (HM) melalui lawatan penghargaan agensi itu ke Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) Bangsar, baru-baru ini.

Rombongan FRIM yang diketuai Ketua Pengarahnya Datuk Dr Abd Latif Mohmod meluangkan masa lebih tiga jam beramah mesra dengan pengurusan kanan HM diketuai Timbalan Pengarang Kumpulannya, Ahmad@Salim Bachok.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) FRIM Dr Ismail Harun, Ketua Komunikasi Korporat (CCU) FRIM Norhayati Nordin dan 18 pegawai serta kakitangannya.

Sempena lawatan itu, Abd



AHMAD (berdiri lapan dari kiri) dan Abd Latif (tengah) bergambar kenangan selepas majlis menanam pokok.



AHMAD (kiri) dan Abd Latif menanam pokok susun kelapa.

Latif dan Ahmad turut menanam pokok susun kelapa atau sisik kelah sumbangan FRIM di halaman Balai Berita.

HM melalui sisipan Agro banyak menyiarkan laporan mengenai penyelidikan dan kejayaan FRIM dalam melestarikan sumber alam sekitar di negara ini.

Abd Latif berkata, lawatan itu bagi memberi penghargaan kepada HM kerana membantu pihaknya memupuk kesedaran alam sekitar dalam

kalangan masyarakat.

"Peranan akhbar ini sangat penting dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai mengenai FRIM. Saya berterima kasih kepada HM kerana menyiarkan berita penyelidikan dan kejayaan FRIM sejak ia ditubuhkan.

"Lawatan ini juga adalah platform terbaik untuk kami lebih memahami mengenai operasi media dan pada masa sama melihat kerjasama yang boleh dilakukan antara kedua-



ABD Latif

dua pihak.

"FRIM sedia membantu HM mendapatkan maklumat berkaitan perhutanan terutama membabitkan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, HM memberi ruang kepada pegawai dan kakitangan FRIM menterjemahkan hasil penyelidikan dan kejayaan mereka melalui penyiaran artikel di akhbar ini.

"Kami berharap kerjasama ini dapat diteruskan," katanya.